

## DOA PENUTUP:

Jemput seorang ahli KED yang lain untuk memimpin doa penutup.

## LAGU PENUTUP:

# Sebab Dia Hidup

(Because He Lives)

Anak Allah Yesus namaNya  
Menyembuhkan, menyucikan  
Bahkan mati tebus dosaku

Kubur kosong membuktikan Dia hidup

**Reff:**

***S'bab Dia hidup ada hari esok***

***S'bab Dia hidup ku tak gentar***

***Kerana ku tahu Dia pegang hari esok***

***Hidup jadi bererti s'bab Yesus hidup***



# KED Renungan

HARAPAN: MENGHORMATI SESAMA,  
BERTEMANKAN DUNIA DI DALAM  
KRISTUS

**FOKUS: MISI**

**ACARA: HARI MINGGU MIGRAN**

**PENGENALAN:**

Tumpuan refleksi untuk bulan ini adalah berkenaan isu para migran dan pelarian. Tema yang dipilih oleh Bapa Paus Fransiskus sempena Hari Migran dan Pelarian Sedunia adalah **"Mengalu-alukan, melindungi, menentengahkan, dan mengintegrasikan para migran dan pelarian."** Sebagai orang Kristian, "kita mempunyai peluang yang unik untuk menyokong tindakan konkrit [untuk mengalu-alukan, melindungi, menentengahkan, dan mengintegrasikan jiran-jiran migran dan pelarian kita], "dan untuk berkongsi mesej ini dengan semua, terutamanya kepada pemimpin politik dan sosial kita.



## DOA PEMBUKAAN:

Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Pembukaan.

## LAGU PEMBUKAAN:

# Engkaulah Segalanya

(You Are My All In All)

Engkaulah kekuatanku,  
Engkaulah kemuliaanKu,  
Engkaulah s'galanya.

Engkau permata yang indah,  
Tak'kan pernah kulepaskan,  
Engkaulah s'galanya.

REFE :

Yesus Domba Allah Mulia nama -Mu  
Yesus Domba Allah Mulia nama -Mu

Kau hapus s'gala dosaku  
S'gala cela dan Malu ku  
Engkaulah s'galanya.

Saat jatuh Kau angkatku  
Saat haus Kau p'nuhiku  
Engkaulah s'galanya

## DIALOG:

Di dalam pesanan Bapa Suci Paus Fransiskus sempena Hari Migran dan Pelarian Sedunia 2018, beliau telah menyatakan bahawa sepanjang lima tahun pertama pontifikasinya, beliau telah berulang kali menyatakan keprihatinannya terhadap keadaan sedih para migran dan pelarian yang melarikan diri dari perang, penganiayaan, bencana alam dan kemiskinan. Hasilnya, Bapa Paus telah melancarkan Dicastery for Promoting Integral Human Development sebagai inisiatif keprihatinan Gereja terhadap para migran, pelarian, mereka yang terpaksa meninggalkan tempat asal dan mangsa penyeludupan manusia. Menurut Bapa Paus, solidariti ini harus diungkapkan secara konkrit pada setiap peringkat pengalaman migrasi – perjalanan dari saat mereka berangkat menuju ke tempat tujuan dan akhirnya pulang kembali. "Dalam hal ini, Bapa Paus menyimpulkan tindakan Gereja dapat diringkaskan ke dalam empat kata kerja: **untuk mengalu-alukan, untuk melindungi, mempromosikan dan mengintegrasikan.**

**Mengalu-alukan / menyambut** – Perkara yang paling utama, bertujuan agar para migran dan pelarian dapat masuk ke dalam negara destinasi dengan selamat dan sah mengikut undang-undang. Ini termasuk: untuk meningkatkan dan mempermudah proses pemberian visa kemanusiaan dan untuk menyatukan keluarga, untuk lebih banyak negara mengguna pakai program penajaan swasta dan masyarakat, dan membuka koridor kemanusiaan untuk para pelarian yang tidak terdaya, memberikan visa khas sementara kepada orang yang melarikan diri dari konflik di negara-negara jiran, dll.

**Untuk melindungi** - boleh difahami sebagai satu siri langkah yang bertujuan untuk mempertahankan hak dan martabat para migran dan pelarian, bebas dari status undang-undang mereka. Perlindungan sedemikian bermula dari negara asal, dengan membekalkan mereka maklumat benar yang boleh dipercayai dan disahkan sebelum berlepas meninggalkan negara mereka, dan memberikan jaminan keselamatan dari pengambilan pekerja secara haram.

**Untuk mempromosikan/mengetengahkan** - pada dasarnya adalah usaha terbaik yang ditentukan untuk semua migran/pendatang dan pelarian - serta masyarakat yang mengalu-alukan mereka - diberi kuasa untuk mencapai potensi mereka sebagai manusia, di dalam semua dimensi yang membentuk institusi kemanusiaan yang dikaruniakan oleh Sang Pencipta.

**Untuk mengintegrasikan** – keprihatinan akan kekayaan silang budaya kesna kemasukan para migran dan pelarian. Integrasi bukanlah "asimilasi yang memaksa para migran dan pelarian atau melupakan identiti budaya mereka sendiri. Sebaliknya, hubungan dengan orang lain membawa kepada penemuan 'rahsia' mereka, untuk menjadi terbuka kepada mereka untuk mengalu-alukan aspek dan nilai di dalam menyumbang kepada mengenali setiap orang dengan lebih baik.



### Soalan-soalan untuk Perkongsian

- Apakah pendapat anda tentang persepsi umum terhadap umat Katolik Malaysia berkaitan dengan para migran dan pelarian di negara ini dan di dalam Gereja?
- Adakah anda merasakan bahawa para migran dialu-alukan di Gereja-gereja kita? Jika ya, bagaimana? Jika tidak, mengapa tidak?

Ucapan lengkap Bapa Paus sila layari: <https://www.vaticannews.va/en/pope/news/2017-11/pope-message-world-day-of-migrants-and-refugees.html>

## PENDALAMAN:

### Leviticus 19:34

"Sebaliknya, hendaklah kamu menganggap pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu itu sebagai warga asal sepertimu. Kasihilah dia seperti dirimu sendiri, kerana kamu pun dahulu pendatang di Tanah Mesir: Akulah Tuhan, Allahmu."

### Renungan:

- Baca petikan tersebut sekali lagi dan hening seketika untuk mendengar bisikan Tuhan di dalam hati kita.
- Kongsikan sebarang perkataan atau ayat yang menyentuh hati kita.
- Bagaimanakah kita dapat terus kekal dengan panggilan Kristiani apabila kita terlibat dengan perbuahan di satu pihak yang liberal di pihak yang lain?

### Tindakan:

- Bagaimanakah BEC anda dapat menyalurkan pertolongan yang terbaik untuk mengalu-alukan, melindungi, mempromosi/mengetengahkan dan mengintegrasikan para migran dan pelarian di dalam:
  - KED
  - Paroki
  - komuniti